

TARIKH : 3 OGOS 2022
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 3

RM5.6b kos penyelidikan ke arah negara digital – PM

RM5.6b kos penyelidikan ke arah negara digital - PM

Oleh OMAR ZIN
utusannews@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: Malaysia perlu terus berubah dan berinovasi ke arah negara digital yang makmur dan berdaya tahan melalui pendigitalan, terimanya guna teknologi dan inovasi seterusnya mencapai pertumbuhan ekonomi mapan.

Bagi mencapai sasaran tersebut, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, kerajaan meluluskan 99 projek penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D dan C&I) dengan kos RM5.6 bilion untuk sektor inovasi bagi tempoh 2021 hingga 2022.

Menurut beliau, kelulusan itu dibuat berdasarkan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) yang bermatlamat untuk mencapai negara maju menjelang 2025.

“Dalam aspek pengkomersialan, sekurang-kurang 50 peratus jumlah perbelanjaan R&D perlu menjurus kepada penyelidikan pembangunan eksperimental, selain melahirkan lebih ramai pencipta teknologi serta

“**Pada 2025, peratusan perbelanjaan kasar R&D (GERD) kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) negara dijangka mencapai 2.5 peratus...**”

ISMAIL SABRI YAAKOB

usahawan teknologi tempatan bagi menjana kekayaan dan pertumbuhan ekonomi.

“Pada 2025, peratusan perbelanjaan kasar R&D (GERD) kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) negara dijangka mencapai 2.5 peratus, berbanding 1.04 peratus sahaja pada 2018.

“Bagi tujuan ini, sumbangan sektor swasta disasarkan mencapai 70 peratus daripada jum-

lah perbelanjaan R&D dengan sumber pembiayaan alternatif termasuk modal teroka, pembiayaan antarabangsa dan dana endowmen juga dipertingkatkan,” kata Perdana Menteri ketika merasmikan Persidangan Inovasi Malaysia 2022 di ibu negara semalam.

Bagaimanapun, beliau percaya, terdapat cabaran berkaitan inovasi yang perlu ditangani sebelum negara mampu mencapai status negara berpendapatan tinggi.

“Ini termasuk pelaburan sektor awam dan swasta yang rendah dalam R&D dan C&I berbanding dengan negara-negara maju. Contohnya pada 2018, GERD Korea Selatan ialah 4.52 peratus, Jepun 3.22 peratus berbanding 1.04 peratus bagi Malaysia.

“Landskap R&D dan C&I Malaysia juga berbeza dengan negara-negara maju kerana hampir 80 peratus penyelidik di negara ini pada 2018 berada di institusi pengajian tinggi manakala 97.4 peratus usahawan datangnya daripada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS),” katanya.

Selain itu, katanya, kira-kira 5,435 syarikat pemula (*start-ups*) dari 2010 hingga 2020, hanya lima peratus syarikat pemula berasaskan teknologi.

“Oleh itu, bagi pendekatan jangka pendek dan sederhana, kerjasama dalam kalangan pihak penyelidik dan usahawan perlu dilaksanakan untuk meningkatkan inovasi tempatan.

“Ini sejajar dengan Pelan Hala Tuju Ekosistem Syarikat Pemula Malaysia 2021-2030 (Super) yang menyasarkan 5,000 buah syarikat pemula dan lima buah syarikat bertaraf unicorn bernilai lebih AS\$1 bilion menjelang 2025.

Namun katanya, setakat ini, Malaysia hanya mempunyai sebuah syarikat bertaraf unicorn iaitu Carsome Sendirian Berhad.

“Oleh itu, lebih banyak insentif perlu disediakan bagi mewujudkan lebih banyak syarikat pemula berasaskan teknologi termasuk merangka strategi ekosistem inovasi terbuka bagi merencanakan inovasi negara menerusi penggabungan idea semua pihak yang terbabit,” katanya.